



**KENYATAAN MEDIA  
JABATAN ALAM SEKITAR**

**PENCEGAHAN PENCEMARAN UDARA SEMASA  
CUACA PANAS DAN KERING**

---

**23 JULAI 2021, PUTRAJAYA** – Jabatan Alam Sekitar (JAS) merujuk kepada kenyataan media Jabatan Meteorologi Malaysia bahawa Malaysia kini sedang berada di dalam Monsun Barat Daya dan ia akan berterusan sehingga pertengahan September 2021. Dalam tempoh ini taburan hujan di seluruh negara dijangka akan mengalami pengurangan dan menyebabkan keadaan cuaca yang panas dan kering di kebanyakan negeri di Malaysia.

Dalam tempoh cuaca kering ini, potensi berlakunya pembakaran terbuka di kawasan yang mudah dan sering terbakar adalah sangat tinggi seperti di kawasan tanah gambut dan tapak pelupusan sampah. Terdapat peningkatan kes pembakaran terbuka disebabkan oleh aktiviti pertanian sara diri penduduk tempatan manakala pelepasan dari aktiviti perindustrian, aktiviti kerja tanah dan kenderaan bermotor menyumbang kepada kemerosotan udara di beberapa buah negeri.

Sehingga jam 11.00 pagi hari ini, 15 kawasan mencatatkan bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) pada tahap baik dan 53 kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap sederhana dan tiada kawasan yang mencatatkan bacaan IPU yang tidak sihat di dalam negara.

Berdasarkan kepada rekod aduan dan rondaan oleh JAS, terdapat 418 kes pembakaran terbuka telah dikesan pada bulan Julai 2021 (sehingga 22 Julai 2021) dan bilangan ini dijangkakan akan terus meningkat jika keadaan cuaca panas dan kering berterusan sehingga pertengahan September 2021.

Bagi tindakan penguatkuasaan JAS terhadap kes pembakaran terbuka, **JAS telah mengeluarkan sebanyak 358 kompaun, 72 notis arahan dan 9 kertas siasatan** telah dibuka bagi kesalahan melakukan pembakaran terbuka di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 [AKTA 127] sejak Januari hingga 22 Julai 2021.

Bagi menangani pencemaran udara semasa cuaca panas dan kering ini, JAS telah meningkatkan aktiviti mencegah pembakaran terbuka dan penguatkuasaan ke atas kilang serta kenderaan motor. Statistik pembakaran terbuka dan titik panas (*hotspot*) boleh dirujuk di **LAMPIRAN**.

### **Kesan Kepada Kesihatan Semasa Wabak Covid-19**

Kemerosotan kualiti udara dan fenomena jerebu dikenalpasti boleh menjejaskan kesihatan terutamanya kepada pesakit yang menghadapi masalah pernafasan seperti asma, radang paru-paru dan bronkitis. Sekiranya pembakaran terbuka dan jerebu berlaku semasa pandemik COVID-19, kedua-duanya boleh meningkatkan risiko bahaya pencemaran udara kepada kesihatan awam.

### **Nasihat Kepada Orang Ramai**

Tindakan tegas diambil kepada mana-mana pihak yang tidak bertanggungjawab menyebabkan **pembakaran terbuka seperti yang tertakluk di dalam Seksyen 29A, AKTA 127**. Jika disabitkan dengan kesalahan boleh dikenakan **denda maksimum RM500,000** atau **penjara maksimum lima tahun atau kedua-duanya sekali**. **Kompaun sebanyak RM2,000 juga boleh dikenakan bagi setiap kesalahan**. Orang ramai juga diminta untuk melaporkan kes-kes pencemaran kepada JAS di talian bebas tol, **1-800-88-2727** atau melalui e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

-Tamat-

**NORLIN JAAFAR**  
Ketua Pengarah Alam Sekitar  
Dikeluarkan pada 23 Julai 2021

**Titik panas (hotspot)**

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* pada 22 Julai 2021, bilangan titik panas yang dikesan melalui imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration - 20 (NOAA- 20)* terdapat sebanyak 16 titik panas dikesan dalam negara iaitu:

- i. 9 di Negeri Sabah,
- ii. 3 di Negeri Pahang,
- iii. 2 di Negeri Selangor;
- iv. 1 di Negeri Perak; dan
- v. 1 di Negeri Johor.

Titik panas yang dikesan disiasat di bawah Seksyen 29A, AKTA 127. Selain itu, di Sumatera, Indonesia sebanyak 37 titik panas telah dikesan dan 6 titik panas dikesan di Kalimantan, Indonesia. Merujuk kepada bilangan titik panas dikesan melalui imej satelit NOAA-20 pula, terdapat peningkatan bilangan titik panas di dalam negara dalam tempoh 3 bulan terakhir di mana sebanyak 242 titik panas dikesan bulan Julai (sehingga 22 Julai 2021) berbanding 166 pada bulan Jun dan 113 titik panas dikesan pada bulan Mei 2021.



**Kebakaran yang berlaku pada 21 Julai 2021 di kawasan tanah gambut di Johan Setia, Klang, Selangor**



Pemandangan dari dron kawasan yang terbakar



Kawasan tanah gambut yang terbakar





Kawasan tanah gambut yang terbakar